




KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

6 SEPTEMBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **1,844 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **161,265 kes**
- 2 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon merah dicatatkan.

3 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

4 **Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah**

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Kes terus menurun hari ini bagi hari ketiga dan buat pertama kalinya sejak beberapa hari lepas dengan angka di bawah paras (2,000) kes, daripada (2,136) kes semalam kepada (1,844) kes pada hari ini.
- b. Kota Kinabalu turun (-14) kes kepada (343) kes. Kecuali Penampang, pusat-pusat bandar lain seperti Sandakan, Tawau dan Lahad Datu mencatatkan penurunan. Tuaran, Penampang, Putatan, Tambunan, Nabawan dan Telupid mencatatkan kenaikan kes pada hari ini.
- c. Daripada (1,844) kes hari ini, 38.77% atau (715) kes adalah lewat daftar antara 2 hingga 3 hari selepas tarikh keluar keputusan, 7.86% atau (145) kes adalah lewat daftar antara 4 hingga 5 hari dan 7.16% atau (132) kes adalah lewat daftar melebihi 5 hari.
- d. Saringan Kontak Rapat kekal penyumbang utama kepada kes harian dengan (1,104) kes atau 59.90% daripada (1,844) kes hari ini, (536) kes atau 29.10% daripada Saringan Bergejala dan (77) kes atau 4.20% daripada Saringan Kluster.
- e. Di Kota Kinabalu 34.69% daripada kes hari ini berpunca daripada Saringan Bergejala, Sandakan 36.75%, Tawau 37.39% dan Penampang 31.03%.
- f. Pesakit dalam Kategori 3, Kategori 4 dan Kategori 5 kekal dalam paras yang dianggap tinggi. Hari ini pesakit dalam Kategori 1, (464) kes atau 25.16%, Kategori 2, (1,252) kes atau 67.90%, Kategori 3, (12) kes, Kategori 4, (12) kes dan Kategori 5, (10) kes
- g. Daripada (1,844) kes hari ini, (1,698) kes atau (92.08%) adalah warganegara Malaysia dan (146) kes atau 7.92% adalah bukan warganegara, lelaki 50.70% dan perempuan 49.30%

- h. Setakat 05 September 2021 berdasarkan statistik CITF Negeri Sabah, seramai 45.49% penduduk dewasa negeri Sabah telah pun memperolehi vaksin lengkap dan 63.98% memperolehi satu dos.
- i. Kerajaan Negeri merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat Khairy Jamaluddin Abu Bakar diatas tindakan proaktif beliau untuk memastikan bekalan vaksin kepada Sabah adalah mencukupi dan mampu menampung keperluan vaksin kita. Menteri Kesihatan telah memperuntukkan 2.89 juta dos vaksin bagi bulan September.
- j. Bagi tujuan merancang dan melaksanakan pemberian vaksin dalam kadar yang lebih cepat dan efisien, Yang Berhormat Tuan Haji Ir. Shahelmey Bin Yahya, Exco Kesihatan Sabah dilantik Pengarah Operasi Program Imunisasi Negeri Sabah. Tugas beliau ialah membantu JKNS merancang dan melaksanakan program-program imunisasi di negeri Sabah untuk memastikan kita mencapai sasaran peratusan penduduk yang lengkap divaksin pada tarikh yang telah ditetapkan. Yang Berhormat Tuan Haji Ir. Shahelmey Bin Yahya juga akan mengawasi dan melakukan penyelarasan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia kemudahan-kemudahan dan keperluan-keperluan mendadak di hospital-hospital di Sabah yang diperlukan dari masa ke masa.
- k. Beliau juga akan mengeluarkan Kenyataan Akhbar dari masa ke masa atau bila-bila diperlukan bagi memaklumkan orang ramai perkembangan terbaru (update) Program Imunisasi Negeri Sabah serta maklumat-maklumat lain yang perlu diketahui oleh orang ramai.
- l. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (1,104) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Bil. | Kategori Saringan | Bilangan Kes | Peratusan |
|---------------|--------------------------|---------------------|------------------|
| 1 | Kluster | 77 | 4.20% |
| 2 | Bergejala | 536 | 29.10% |
| 3 | Kontak | 1,104 | 59.90% |
| 4 | Bersasar | 1 | 0.10% |
| 5 | Lain-lain | 126 | 6.80% |
| JUMLAH | | 1,844 | 100% |

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (05 September 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

| Bil. | Daerah | Catatan Kes 05/09/2021 | Catatan Kes 06/09/2021 | Perbandingan |
|---------------|---------------|-----------------------------------|-----------------------------------|---------------------|
| 1 | Tuaran | 102 | 234 | +132 |
| 2 | Telupid | 21 | 67 | +46 |
| 3 | Penampang | 92 | 116 | +24 |
| 4 | Tambunan | 11 | 22 | +11 |
| 5 | Nabawan | 30 | 36 | +6 |
| 6 | Putatan | 40 | 45 | +5 |
| 7 | Semporna | 9 | 10 | +1 |
| 8 | Papar | 211 | 88 | -123 |
| 9 | Sandakan | 332 | 234 | -98 |
| 10 | Kudat | 87 | 35 | -52 |
| 11 | Lahad Datu | 116 | 70 | -46 |
| 12 | Tawau | 157 | 115 | -42 |
| 13 | Kinabatangan | 41 | 15 | -26 |
| 14 | Keningau | 88 | 69 | -19 |
| 15 | Ranau | 60 | 41 | -19 |
| 16 | Kalabakan | 24 | 8 | -16 |
| 17 | Kota Kinabalu | 357 | 343 | -14 |
| 18 | Kota Marudu | 108 | 94 | -14 |
| 19 | Tenom | 43 | 29 | -14 |
| 20 | Kota Belud | 67 | 56 | -11 |
| 21 | Tongod | 23 | 16 | -7 |
| 22 | Pitas | 17 | 12 | -5 |
| 23 | Beluran | 35 | 32 | -3 |
| 24 | Beaufort | 19 | 16 | -3 |
| 25 | Kuala Penyu | 12 | 9 | -3 |
| 26 | Sipitang | 17 | 16 | -1 |
| 27 | Kunak | 17 | 16 | -1 |
| JUMLAH | | 2,136 | 1,844 | -292 |

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Daerah | Kategori Kes | | | | | Bilangan Kes Baharu | Kes Terkumpul 14 Hari (23 Ogos – 05 September) |
|---------------|------------------|-----------------|--------------------|-------------------|--------------------|---------------------|--|
| | Saringan Kluster | Saringan Kontak | Saringan Bergejala | Saringan Bersasar | Lain-lain Saringan | | |
| Kota Kinabalu | 4 | 204 | 119 | 0 | 16 | 343 | 7,378 |
| Sandakan | 8 | 78 | 86 | 0 | 62 | 234 | 3,877 |
| Tuaran | 46 | 145 | 37 | 0 | 6 | 234 | 3,251 |
| Penampang | 0 | 76 | 36 | 0 | 4 | 116 | 3,474 |
| Tawau | 0 | 67 | 43 | 0 | 5 | 115 | 2,338 |
| Kota Marudu | 0 | 79 | 12 | 1 | 2 | 94 | 1,099 |
| Papar | 0 | 46 | 36 | 0 | 6 | 88 | 2,539 |
| Lahad Datu | 2 | 27 | 38 | 0 | 3 | 70 | 1,335 |
| Keningau | 1 | 47 | 21 | 0 | 0 | 69 | 1,413 |
| Telupid | 0 | 63 | 2 | 0 | 2 | 67 | 722 |
| Kota Belud | 0 | 38 | 15 | 0 | 3 | 56 | 1,180 |
| Putatan | 0 | 22 | 23 | 0 | 0 | 45 | 1,111 |
| Ranau | 0 | 33 | 5 | 0 | 3 | 41 | 699 |
| Nabawan | 16 | 17 | 3 | 0 | 0 | 36 | 436 |
| Kudat | 0 | 29 | 5 | 0 | 1 | 35 | 551 |
| Beluran | 0 | 30 | 2 | 0 | 0 | 32 | 388 |
| Tenom | 0 | 22 | 6 | 0 | 1 | 29 | 584 |
| Tambunan | 0 | 21 | 1 | 0 | 0 | 22 | 172 |
| Tongod | 0 | 14 | 2 | 0 | 0 | 16 | 413 |
| Beaufort | 0 | 9 | 6 | 0 | 1 | 16 | 543 |
| Kunak | 0 | 6 | 10 | 0 | 0 | 16 | 303 |
| Sipitang | 0 | 9 | 5 | 0 | 2 | 16 | 519 |
| Kinabatangan | 0 | 11 | 3 | 0 | 1 | 15 | 1,054 |
| Pitas | 0 | 2 | 9 | 0 | 1 | 12 | 571 |
| Semporna | 0 | 1 | 6 | 0 | 3 | 10 | 122 |
| Kuala Penyu | 0 | 4 | 1 | 0 | 4 | 9 | 112 |
| Kalabakan | 0 | 4 | 4 | 0 | 0 | 8 | 288 |
| JUMLAH | 77 | 1,104 | 536 | 1 | 126 | 1,844 | 36,472 |

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Daerah | Nama Kluster | Jumlah Kes Baharu |
|---------------|-------------------------------|-------------------|
| Kota Kinabalu | Kluster Jalan Pahlawan | 4 |
| Keningau | Kluster Pagar Sebrang | 1 |
| Tuaran | Kluster Bawah Bayu | 46 |
| Nabawan | Kluster Sawit Simpang Batu 38 | 16 |
| Sandakan | Kluster Lebu Empat | 8 |
| Lahad Datu | Kluster Cenderawasih | 2 |
| JUMLAH | | 77 |

6 Terdapat **dua (2) kluster baharu** direkodkan hari ini.

- i **Kluster Sawit Simpang Batu 38 - Nabawan** adalah kluster tempat kerja yang dikesan hasil saringan bersasar di tempat kerja melibatkan pekerja – pekerja sebuah ladang kelapa sawit yang terletak di Batu 38, Nabawan. Kes indeks merupakan lelaki, 55, dilaporkan positif Covid -19 pada 29 Ogos 2021 hasil saringan individu bergejala, selepas mengalami demam, batuk, sakit sendi bermula 27 Ogos 2021 lalu. Hasil pengesanan secara aktif dan saringan terhadap 309 rakan sekerja, ahli keluarga dan kontak kasual mengesan 87 kes positif termasuk 16 kes baharu hari ini, manakala 222 individu didapati negatif sample pertama. Semua kes positif COVID-19 dalam kluster ini telah dirujuk ke CAC untuk rawatan lanjut dan menjalani pengasingan. Kontak - kontak rapat kes ini juga telah diberikan arahan kuarantin untuk pengasingan.

- ii **Kluster Bawah Bayu - Tuaran** merupakan kluster jenis tempat kerja. Kes indeks adalah lelaki, 55, dari Kg Betutai yang bekerja di bahagian penghantaran sebuah makmal patologi swasta di Luyang. Kes indeks disahkan positif COVID-19 hasil saringan tempat kerja melalui ujian PCR dengan CT Value 32.18. Saringan kontak rapat mendapati 11 kontak serumah didapati positif termasuk seorang anaknya yang bekerja sebagai Pegawai Penjara di PRP Kauluan. Susulan saringan kontak rapat anak kepada kes indeks, 51 lagi dikesan positif termasuk tiga (3) kes dari daerah Kota Kinabalu menjadikan jumlah kumulatif kes positif dalam kluster ini seramai 63 kes (46 kes baharu).

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 06 SEPTEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

| Import/Tempatan | |
|------------------------------------|--------------|
| Tempatan | 1,838 |
| Import A (Jangkitan Luar Malaysia) | 0 |
| Import B (Jangkitan Luar Sabah) | 0 |
| Orang Dalam Tahanan /Banduan | 6 |
| Jumlah | 1,844 |

ii. Kewarganegaraan

| Kewarganegaraan | |
|------------------------|--------------|
| Malaysia | 1,698 |
| Bukan Malaysia | 146 |
| Jumlah | 1,844 |

iii. Status Vaksinasi

| Status Vaksinasi | |
|-------------------------|--------------|
| Belum Layak Vaksin | 497 |
| Belum Menerima Vaksin | 527 |
| Menerima 1 Dos | 192 |
| Lengkap 2 Dos | 628 |
| Jumlah | 1,844 |

iv. Umur

| Umur (Tahun) | |
|---------------------|--------------|
| <1 | 28 |
| 1 to 5 | 137 |
| 6 to 17 | 332 |
| 18 to 59 | 1,148 |
| >60 | 199 |
| Jumlah | 1,844 |

C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

| BIL | DAERAH | BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 06 September 2021) |
|---------------|---------------|--|
| 1 | Tawau | 15 |
| 2 | Ranau | 8 |
| 3 | Penampang | 8 |
| 4 | Tuaran | 7 |
| 5 | Kota Kinabalu | 6 |
| 6 | Papar | 5 |
| 7 | Kinabatangan | 4 |
| 8 | Putatan | 4 |
| 9 | Telupid | 4 |
| 10 | Kota Belud | 3 |
| 11 | Kota Marudu | 3 |
| 12 | Kudat | 3 |
| 13 | Beaufort | 2 |
| 14 | Lahad Datu | 2 |
| 15 | Keningau | 1 |
| 16 | Sipitang | 1 |
| 17 | Tongod | 1 |
| JUMLAH | | 77 |

D SEMUA PEMANDU DAN PEMBANTU SERTA PENUMPANG KENDERAAN AWAM HENDAKLAH TELAH LENGKAP DIVAKSIN

- 1 Semua pemandu dan pembantu/petugas kenderaan awam seperti bas henti-henti dan bas sekolah, teksi serta *e-hailing* hendaklah telah lengkap divaksin. Syarat tambahan ini akan mulai dikuatkuasakan secara ketat mulai 16 September 2021.
- 2 Ini adalah syarat tambahan baharu kepada syarat-syarat sedia ada dalam SOP yang sedang berkuatkuasa, antaranya ialah pematuhan penjarakan fizikal di dalam kenderaan tersebut serta pemakaian pelitup muka.
- 3 Adalah juga diingatkan kembali bahawa semua perkhidmatan bas henti henti dihadkan ke kapasiti 50% sahaja, manakala untuk teksi/*e-hailing* pula dihadkan maksimum hanya dua (2) orang termasuk pemandu.

E PELAKSANAAN PKPD BARU

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan **DILAKSANAKAN** di lokaliti-lokaliti seperti berikut:

| BIL | Lokaliti PKPD | Tarikh Mula PKPD | Tarikh Tamat PKPD |
|------------|--|-------------------------|--------------------------|
| 1. | Dua (2) lokaliti di Kota Belud <ul style="list-style-type: none">• Kampung Pantai Emas• Kampung Lentigi | 8 September 2021 | 21 September 2021 |
| 2. | Kampung Pahu Pinawantai, Ranau | 8 September 2021 | 21 September 2021 |
| 3. | Kampung Mompilis, Matunggong, Kudat | 8 September 2021 | 21 September 2021 |

F PELANJUTAN PKPD

Berdasarkan analisa oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta *trend* jangkitan COVID-19, beberapa PKPD yang akan dilanjutkan seperti berikut:

| BIL | Lokaliti PKPD | Tarikh Tamat PKPD | Cadangan |
|-----|------------------------------------|-------------------|--|
| 1. | Kampung Tanjung Batu Tengah, Tawau | 7 September 2021 | Dilanjutkan dari 8 September 2021 sehingga 21 September 2021 |
| 2. | Taman Limauan, Kinarut, Papar | 7 September 2021 | Dilanjutkan dari 8 September 2021 sehingga 21 September 2021 |

G PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

| BIL | Lokaliti PKPD | Tarikh Mula PKPD | Cadangan |
|-----|--|------------------|---|
| 1. | Kampung Kota Tuaran, Tuaran | 11 Ogos 2021 | Ditamatkan pada 7 September 2021 seperti yang dijadualkan |
| 2. | Taman Kinarut Ria, Papar | 28 Julai 2021 | Ditamatkan pada 7 September 2021 seperti yang dijadualkan |
| 3. | Empat (4) lokaliti di Penampang <ul style="list-style-type: none">• Delta Height• Kampung Sindaanan• Rainfield Garden• Maju Kota Light Industry, Jalan Lama Penampang | 25 Ogos 2021 | Ditamatkan pada 7 September 2021 seperti yang dijadualkan |

| | | | |
|-----|---|--------------|---|
| 4. | Kampung Mondikot, Papar | 25 Ogos 2021 | Ditamatkan pada 7 September 2021 seperti yang dijadualkan |
| 5. | Ladang Mawang, Kalabakan | 25 Ogos 2021 | Ditamatkan pada 7 September 2021 seperti yang dijadualkan |
| 6. | Kem Sawmill (Kilang Papan) Mengayam Sri Arjuna, Sipitang | 25 Ogos 2021 | Ditamatkan pada 7 September 2021 seperti yang dijadualkan |
| 7. | Tiga (3) lokaliti di Tawau <ul style="list-style-type: none"> • Taman Rangu Saujana • Kampung Sungai Tamang, Pulau Sebatik • Kampung Tanjung Batu Laut, Logpon | 25 Ogos 2021 | Ditamatkan pada 7 September 2021 seperti yang dijadualkan |
| 8. | Tiga (3) lokaliti di Kinabatangan <ul style="list-style-type: none"> • Kampung Pelangi • Kampung Sri Manis • Ladang Sungai Pin | 25 Ogos 2021 | Ditamatkan pada 7 September 2021 seperti yang dijadualkan |
| 9. | Dua (2) lokaliti di Lahad Datu <ul style="list-style-type: none"> • Perumahan Ladang FELDA Sahabat 55 • Taman Pertama Satu | 25 Ogos 2021 | Ditamatkan pada 7 September 2021 seperti yang dijadualkan |
| 10. | Kampung Manggaris 2, Kota Marudu | 15 Ogos 2021 | Ditamatkan pada 6 September 2021 lebih awal dari yang dijadualkan (11 September 2021) |

H STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 67,164 orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 juga, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 58,575 orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **11,654** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 1,647,324 orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2 pula **20,725** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 1,145,922 orang.
- 5 Pada hari ini sebanyak 8,147 orang telah menerima vaksin dos tunggal Cansino menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 50,276 orang.
- 6 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 6,818 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak 1,643,253 (Mysejahtera 1,563,457 : Laman Web 79,456 : Talian Vaksinasi 340) bersamaan 59.6%.

I BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **526,414** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

J LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 132 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 30,925 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 151 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 60 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.

- 2 Sebanyak 16 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
- 10 Orang : Tidak Memakai Pelitup Muka
 - Satu (1) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
 - Empat (4) Orang : Rentas Negeri/Daerah Tanpa Kebenaran
 - Satu (1) Orang : Membawa Penumpang Berlebihan
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 105 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 24 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 1,048 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak empat (4) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu dua (2) di daerah Kudat dan dua (2) di daerah Kinabatangan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT.
 - ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 412 premis perniagaan dan 509 individu di 18 kawasan. Lapan (8) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di The Bread House, Lintas Plaza (1 Orang). Kesalahan individu tidak memakai pelitup muka / tidak memakai pelitup muka dengan betul di Mamam Lintas (2 Orang) dan Home Laundry, Lintas (2 Orang). Kesalahan individu keluar rumah tanpa tujuan yang dibenarkan di Pantai Tg. Aru 1 (3 Orang). Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 260 Premis Perniagaan melibatkan 146 anggota APM. Terdapat satu (1) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 157 anggota di 192 lokasi.

- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 21 premis, melibatkan 10 buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 290 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 11 daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 125 hebahan di seluruh Sabah.

K KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **95.7%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| BIL | DAERAH | PERATUS |
|------------|---------------|----------------|
| 1 | Lahad Datu | 96% |
| 2 | Kudat | 96% |
| 3 | Kunak | 96% |
| 4 | Kota Kinabalu | 96% |
| 5 | Tuaran | 96% |
| 6 | Sipitang | 96% |
| 7 | Kota Belud | 96% |
| 8 | Beaufort | 96% |
| 9 | Kota Marudu | 96% |
| 10 | Semporna | 96% |
| 11 | Keningau | 95.5% |
| 12 | Tenom | 95.5% |
| 13 | Ranau | 95.5% |
| 14 | Penampang | 95% |
| 15 | Papar | 95% |
| 16 | Kinabatangan | 95% |
| 17 | Beluran | 95% |
| 18 | Tawau | 95% |
| 19 | Sandakan | 94.5% |

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**



KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

Addendum, Maklumat Tambahan kepada Kenyataan Media YB Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan dan Menteri Kewangan II bertarikh 06 September 2021.

Sebagai tambahan kepada Kenyataan Media yang telah diedarkan pada jam 7 malam, berikut adalah data-data tambahan yang baharu diterima dari pihak KKM:

A

- 1 Sebanyak 31 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu lapan (8) kes di Kota Kinabalu, enam (6) kes Sandakan, tiga (3) kes di Kota Marudu, dua (2) kes di Tawau dan Penampang manakala Semporna, Tuaran, Kalabakan, Beluran, Keningau, Kinabatangan, Telupid, Puatan, Papar dan Kunak masing-masing mencatatkan satu (1) kes. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 3,506 menjadikan jumlah kumulatif 130,818 orang. Seramai 4,866 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,775 orang di hospital, 3,022 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 60 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala sembilan (9) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 191 orang merangkumi 124 di ICU/repurposed kritikal care serta 67 di open ward (HDW/kubikel akut) dan 81 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilated).

- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



- 4 Jumlah kapasiti katil 7,465 unit
- Hospital 1,885 unit.
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,908 unit.
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 672 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 65.06%.

##MalaysiaPrihatin

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
06 SEPTEMBER 2021**